



Taklimat Persaraan Kepada Kakitangan Kerajaan

29hb Ogos 2022

Universiti Putra Malaysia



KWAP

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
RETIREMENT FUND INCORPORATED

TAKLIMAT PENGENALAN KEPADA PERSARAAN (OVERVIEW SKIM PENCEN)

**JABATAN PERKHIDMATAN PERSARAAN
KUMPULAN WANG PERSARAAN (DIPERBADANKAN)**

SKIM PENCEN SEKTOR AWAM DI MALAYSIA

- **Perkhidmatan Awam;**
- **Badan Berkanun & Kuasa Tempatan;**
- **Hakim;**
- **Anggota Pentadbiran & Ahli Parlimen;**
- **Setiausaha Politik; dan**
- **Angkatan Tentera.**

OBJEKTIF SKIM PENCEN

- Penghargaan terhadap perkhidmatan yang taat setia dan dedikasi;
- Mengadakan bentuk saraan hidup selepas bersara dari perkhidmatan;
- Mengadakan skim pampasan terhadap bencana (Pencen Hilang Upaya atau Tanggungan); dan
- Mengikat supaya terus berkhidmat dalam Sektor Awam.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Perlindungan Hak-Hak Pencen

147.(1) Undang-undang yang dipakai bagi apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain elaun sepertinya dalam perkara ini disebut sebagai “award” yang diberi kepada seorang anggota mana-mana perkhidmatan awam atau kepada balunya, anaknya, orang tanggungannya atau wakil dirinya, ialah undang-undang yang berkuatkuasa pada hari yang berkaitan atau apa-apa undang-undang kemudiannya yang **tidak kurang baiknya** kepada orang yang diberi award itu.

PENCEN BUKAN HAK MUTLAK

Faedah persaraan bukan merupakan hak mutlak seseorang anggota. Tiada anggota pun yang boleh mempunyai hak mutlak untuk mendapat pampasan bagi perkhidmatan yang lepas atau untuk mendapat apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah di bawah Akta Pencen.

(Seksyen 3(1), Akta 227 atau Akta 239)

JENIS-JENIS PERSARAAN

Persaraan Paksa

1. Persaraan Paksa Kerana Mencapai Umur 55/56/58/60 Tahun (Seksyen 10(1), Akta 227/239)
2. Persaraan Atas Sebab Kesihatan (Seksyen 10(5)(a) Akta 227/239)
3. Persaraan Kerana Penghapusan Jawatan (Seksyen 10(5)(b) Akta 227/239)
4. Persaraan Kerana Penyusunan Semula Organisasi (Seksyen 10(5)(c), Akta 227/239)

JENIS-JENIS PERSARAAN

5. Persaraan Kerana Pekerjaan Anggota Telah Ditamatkan Demi Kepentingan Awam (Seksyen 10(5)(d), Akta 227/239)
6. Persaraan Kerana Memperolehi Kewarganegaraan Asing (Seksyen 10(5)(e), Akta 227/239) – lantikan pada/selepas 15.5.1986
7. Persaraan Kerana Memberi Maklumat Palsu Bagi Maksud Lantikan Ke Perkhidmatan (Seksyen 10(5)(f), Akta 227/239) – lantikan pada/selepas 12.4.1991

JENIS-JENIS PERSARAAN

Persaraan Dengan Kehendak Kerajaan

8. Persaraan Atas Alasan Kepentingan Negara

- Perkhidmatan Awam Persekutuan (Seksyen 11(a)(i), Akta 227)
- Perkhidmatan Awam Negeri (Seksyen 11(b)(i), Akta 227)
- Perkhidmatan BBKT (Seksyen 11(a), Akta 239)

9. Persaraan Demi Kepentingan Perkhidmatan Awam/BBKT

- Perkhidmatan Awam Persekutuan (Seksyen 11(a)(ii), Akta 227)
- Perkhidmatan Awam Negeri (Seksyen 11(b)(ii), Akta 227)
- Perkhidmatan BBKT (Seksyen 11(b), Akta 239)

JENIS-JENIS PERSARAAN

10. Persaraan Pilihan (Seksyen 12, Akta 227/239)
11. Persaraan Kerana Dilantik Dalam Pertubuhan/
Penswastaaan (Seksyen 12A, Akta 227/Seksyen
13, Akta 239)

Persaraan Paksa Kerana Mencapai Umur 55/56/58/60 Tahun (Seksyen 10(1), Akta 227/239)

- Bersara paksa apabila mencapai umur 55/56/58/60 tahun
- Jika ada kes Mahkamah atau tindakan tatatertib yang masih belum selesai ketika mencapai umur 55/56/58/60 tahun ...
 - yang mungkin berkeputusan pegawai itu disabitkan atau dibuang kerja;
(perkhidmatan pegawai itu dianggap sebagai dilanjutkan atas cuti tanpa gaji)

Persaraan Paksa Kerana Mencapai Umur 55/56/58/60 Tahun (Seksyen 10(1), Akta 227/239)

- Jika Pihak Mahkamah atau Lembaga Tatatertib berkeputusan pegawai itu tidak disabitkan atau dibuang kerja, maka ia hendaklah bersara pada umur 55/56/58/60 tahun dan dibayar faedah persaraan dengan menolak tempoh cuti tanpa gaji itu.

Persaraan Pilihan (Seksyen 12, Akta 227/239)

Permohonan Melalui Ketua Jabatan:-

- Umur hendaklah **melebihi 40 tahun**;
- Tempoh perkhidmatan **tidak kurang daripada 10 tahun** yang boleh dimasukkan kira
- Bayaran pencen bulanan akan dibayar:-
 - Jika seorang pegawai dilantik sebelum 12.4.1991, bila mencapai umur 45 tahun bagi:
 - pegawai perempuan, pegawai perkhidmatan Bomba berpangkat rendah, pegawai Polis berpangkat rendah, pegawai Penjara Berpangkat rendah dan Jururawat lelaki di Hospital mental.
 - Pada umur 50 tahun bagi pegawai lelaki selain di atas yang dilantik sebelum 12.4.1991.
 - Bagi pegawai lelaki/perempuan dilantik mulai/selepas 12.4.1991, pencen bulanan akan dibayar apabila mencapai umur 55 tahun.

Persaraan Atas Sebab Kesihatan

- Layak bagi pegawai yang telah disahkan dalam jawatan.
- Keputusan persaraan atas sebab kesihatan adalah bergantung kepada keputusan Lembaga Perubatan.
- Keadaan yang boleh dihadapkan ke Lembaga Perubatan [PA Bab F-19 (1974)] & PP Bil. 10/1995:
 - a) Semua cuti sakit tahunan telah habis dan masih tidak sihat.
 - b) Pegawai perubatan berpendapat tidak ada harapan sembuh.
 - c) Mengambil cuti sakit 45 hari setahun, 3 tahun berturut-turut.
 - d) Kesiuman otak dan kesihatan tubuh badan diragui.
 - e) Pegawai perubatan mengesahkan sakit tibi, kusta atau barah.
 - f) Tercedera semasa bertugas dan bukan dengan kecuaiannya.



FAEDAH PERSARAAN

Anggota berpencen yang bersara atau dibersarakan di bawah undang-undang pencen layak menerima faedah-faedah persaraan seperti:-

- Ganjaran Perkhidmatan
- Pencen Perkhidmatan
- Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat
(*di mana berkenaan*)
- Kemudahan Rawatan Perubatan



Pencen Yang Dibayar Kepada Pesara Kerajaan Merupakan **PENCEN PEKERJAAN (*Occupational Pension*)**

Kadarnya bergantung kepada:

- Tempoh Perkhidmatan yang boleh diambilkira; dan
- Gaji Hakiki yang terakhir.

Faedah Lain Dalam Keadaan-Keadaan Tertentu

- Pencen Hilang Upaya;
- Pencen Tanggungan;
- Pencen Terbitan; dan
- Ganjaran Terbitan.

PENARIKAN BALIK, PENAHANAN & PENGURANGAN PENCEN

Pemberian pencen dan ganjaran boleh ditarik balik, ditahan atau dikurangkan jika didapati pemberian itu adalah akibat daripada tidak mengetahui fakta-fakta matan yang sengaja disembunyikan yang boleh menyebabkan anggota itu dibuang kerja

POTONGAN FAEDAH PERSARAAN

Pemotongan ke atas Faedah Persaraan hanya boleh dibuat bagi :-

- Menjelaskan hutang Kerajaan;**
- Tuntutan nafkah atas perintah Mahkamah;**
dan
- Pembayaran bagi tujuan insolvensi (kebankrapan)**

Bayaran Ganjaran, Pencen dan Gantian Cuti Rehat (GCR) adalah tertakluk kepada potongan-potongan berikut :-

- Caruman KWSP Syir Kerajaan;
- Cukai Pendapatan;
- Pinjaman Perumahan; dan
- Hutang Kerajaan Lain disenaraikan dalam Sijil Akaun Berhutang/Tidak Berhutang (JPA.BP.UMUM.B01).

PEMBERHENTIAN PENCEN

Pencen diberhentikan dengan serta merta jika pesara/penerima pencen:

- Dihukum Penjara/Mati ~
- *Elaun Tanggungan boleh dipertimbangkan*
- Memperolehi Kewarganegaraan lain
(*berkuatkuasa ke atas anggota yang dilantik pada/selepas 16.5.1986*)

PENGANTUNGAN PENCEN

Pembayaran pencen boleh digantung selama tempoh pesara dilantik semula sebagai pegawai tetap dalam perkhidmatan awam


PENCEN TERENDAH

- Untuk tempoh perkhidmatan yang tidak kurang dari 25 tahun
- RM 1,000.00 sebulan (mulai 1 Januari 2018)

PENCEN MINIMUM

- Bersara Atas Sebab Kesihatan (ASK);
- Bersara Atas Sebab Penswastaaan Agensi Kerajaan;
- Pegawai berpencen yang meninggal dunia dalam perkhidmatan yang kurang dari 120 bulan atau 10 tahun;

1/5 dari gaji akhir.



PENYELARASAN PENCEN

Pesara Atau Penerima Pencen Layak Menerima
Penyelarasan Pencen Sebanyak 2% Setiap Tahun

(Bermula 1 Januari 2013)

(Seksyen 3, Akta 238)

(Akta Penyelarasan Pencen 1980)

PENCUKAIAN

Bayaran Ganjaran Dan Gantian Cuti Rehat Tidak
Dikenakan Cukai Pendapatan.

Pencen yang dibayar kepada anggota yang bersara wajib
pada umur 55/56/58/60 tahun dikecualikan daripada
cukai pendapatan.

Manakala bayaran pencen yang diterima oleh pesara
sebelum mencapai umur 55 tahun dikenakan cukai
pendapatan.

FORMULA GANJARAN

$$7.5\% \times \text{Bulan Perkhidmatan} \times \text{Gaji Akhir}$$

CONTOH :

Tempoh Perkhidmatan = 320 bulan (26 tahun 8 bulan)

Gaji Akhir = RM 3,396.14 sebulan

Ganjaran = $7.5\% \times 320 \times \text{RM}3,396.14$

= RM81,507.36

FORMULA PENCEN

$1/600 \times \text{Bulan Perkhidmatan} \times \text{Gaji Akhir}$
(Terhad kepada maksimum 360 bulan perkhidmatan)

- **CONTOH:**

Perkhidmatan = 320 bulan (kurang dari 360 bulan)

Gaji Akhir = RM 3,396.14

Pencen = $1/600 \times 320 \times \text{RM}3,396.14$

- = RM 1,811.27 sebulan

1/600 X Bulan Perkhidmatan X Gaji Akhir
(Terhad kepada maksimum 360 bulan perkhidmatan)

● **CONTOH:**

Tempoh Perkhidmatan = 364 bulan

Gaji Akhir = RM 3,396.14

@ Pencen = 1/600 x 364 x RM3,396.14

● = RM 2,060.32 sebulan

Tetapi terhad kepada 3/5 x gaji akhir

= 3/5 x RM3,396.14

= RM2037.68 sebulan

(Beza RM22.64)

GANTIAN CUTI REHAT

$1/30 \times$ Cuti Rehat dikumpul \times Gaji Akhir + Imbuhan Tetap

(Tertakluk kepada maksimum 160 hari)

Cuti rehat yang dikumpul = 120 hari

Gaji akhir + Imbuhan Tetap = RM 3,814.14

Award Wang Tunai = $1/30 \times 120 \times \text{RM}3,814.14$
= RM 15,256.56

(Kaedah Pengumpulan GCR ialah Berdasarkan PP Bil. 18/2008)

Emolumen (Imbuhan Tetap)

- Seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 'A', Lampiran C6 dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002.
- Hanya merangkumi :-
 1. Imbuhan Tetap Jawatan Utama;
 2. Imbuhan Tetap Perumahan;
 3. Imbuhan Tetap Keraian; dan
 4. Imbuhan Tetap Khidmat Awam.

Penentuan Gaji Yang Akhir Diterima


- Gaji hakiki bulanan yang terakhir diterima, termasuk elaun berpencen
(Seksyen 2 Akta 227 atau Akta 239)
- Bagi pegawai yang bersara sebelum disahkan dalam jawatan terakhirnya, gaji akhir yang digunapakai ialah dalam jawatan terdahulu dalam mana ia telah disahkan
(Seksyen 6(2) Akta 227 atau Seksyen 5(2) Akta 239)

PENCEN HILANG UPAYA

Sebagai tambahan kepada pencen perkhidmatan, Pencen Hilangupaya boleh diberi kepada pegawai yang dikehendaki bersara akibat daripada

- Menanggung bencana semasa melaksanakan tugas rasmi atau kemalangan dalam perjalanan; dan
- Mendapat penyakit kerana jenis tugasnya itu menyebabkan dirinya terdedah.

Dengan syarat bencana/penyakit itu bukan berpunca dari kecuaiian atau salahlaku pegawai itu.



PENCEN HILANG UPAYA

Darjah Kecacatan	Kadar	
	Sehingga 30 Julai 2012	Selepas 30 Julai 2012
Tercacat sedikit	1/8	1/12
Tercacat	1/4	1/6
Tercacat pada Matannya	3/8	1/4
Musnah sama sekali	1/2	1/3

KAD PESARA

Dikeluarkan oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan JPA kepada pesara/penerima pencen sebagai Ganti Surat Jaminan (GL)

- Dokumen pengenalan pesara yang amat penting kerana terdapat keistimewaan tersendiri (bekas anggota Kerajaan):-
- Ubatan Percuma, Caj Hospital dan Wad di Hospital Kerajaan yang dikenakan - minima bersamaan dengan gaji akhir pesara (kelayakan wad)

Sekian, Terima kasih



KWAP

Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
RETIREMENT FUND INCORPORATED